


# MISTERI BURUNG MEMBUNUH DIRI DI JATINGA

Oleh Azida Ishak


**JATINGA** merupakan perkampungan kecil yang terletak di Assam, yakni sebuah daerah di timur laut India. Kampung kecil ini dikelilingi hutan belukar yang hijau malar dan kawasan pergunungan yang indah dipandang mata. Biar agak terpencil, kampung Jatinga sebenarnya terkenal dalam kalangan pelancong yang datang bukan sekadar hendak menikmati keindahan alam semula jadinya, tetapi juga untuk menyaksikan fenomena aneh yang digelar kematian burung misteri.

Fenomena burung membunuh diri yang aneh ini berlaku setiap tahun pada hujung musim tengkujuh, sekitar bulan September dan November. Pada masa ini, akan berterbanganlah sekumpulan burung yang dilihat membunuh diri di Jatinga. Sebaik-baik

terbenamnya cahaya matahari, antara pukul 7.00 malam hingga 8.00 malam, beratus-ratus ekor burung tempatan serta burung berhijrah akan terbang beramai-ramai seperti awan hitam yang berarak. Burung ini terbang begitu pantas menuju ke tanah, dan ada yang mati kerana impak yang kuat semasa berlanggar dengan pokok dan bangunan. Yang lebih aneh, kesemua haiwan ini bukan hanya jatuh semasa melalui Jatinga, tetapi dilihat seakan-akan sengaja menjunamkan diri ke arah bumi dengan sepuh upaya. Kejadian ini menyebabkan banyak burung mati bergelimpangan di atas jalan. Terdapat juga burung yang terselamat, namun kelihatan bingung dan lemah sehingga memudahkan penduduk kampung menangkapnya untuk dijadikan makanan.



Ahli ornitologi (pakar burung) sedang berusaha mencari punca kejadian ini kerana burung tidak diketahui mempunyai sifat gemar membunuh diri. Fenomena paling misteri dalam kejadian ini ialah punca sebenar yang mendorong beribu-ribu ekor burung ini untuk terbang pada waktu malam sedangkan secara semula jadinya, burung ini sepatutnya tidur pada masa itu. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan spesies burung ialah diurnal, yakni haiwan yang aktif pada waktu siang dan tidur pada waktu malam. Kajian juga mendapati bahawa tidak semua burung yang mati ini burung yang berhijrah dari kawasan berjarak jauh. Sebanyak 44 spesies berjaya dikenal pasti dan kebanyakannya datang dari lembah dan bukit-bukau berdekatan. Antara



spesies yang kerap menjadi mangsa termasuklah burung raja udang, burung pacat, burung merpati dan burung pucung.

Menurut sejarah, fenomena yang bergelair sebagai "harakiri burung" ini pertama kali dilihat oleh suku kaum Zeme Nagas, yakni penduduk asli kawasan itu pada awal tahun 1900-an. Mereka sangat takut dengan peristiwa itu sehingga sanggup menjual tanah mereka kepada puak Jaintias pada tahun 1905. Puak Jaintias melihat kejadian burung membunuh diri ini sebagai hadiah istimewa daripada Tuhan, dan menerimanya dengan tangan terbuka. Pada zaman ini, penduduk Jatinga percaya bahawa roh jahat sedang berlegar di langit dan bertanggungjawab merasuk burung itu untuk membunuh diri.

Melalui penelitian, saintis mendapati bahawa burung ini akan tiba dari bahagian utara Jatinga dan akan menjunam pada kawasan tertentu di perkampungan itu. Kawasan yang dimaksudkan itu dianggarkan sepanjang 1.5 kilometer panjang dan 200 meter lebar. Kajian mendapati bahawa burung itu terkeliru oleh kabus tebal yang menyeliputi langit semasa

hujan musim tengkujuh. Dalam keadaan ini, burung akan tertarik kepada cahaya lampu dan terbang laju menuju ke kedudukan punca cahaya itu. Yang anehnya, cahaya lampu yang diletakkan di bahagian selatan Jatinga tidak berupaya menarik perhatian burung ke sana, sebaliknya hanya kawasan utara Jatinga yang akan menerima kes kematian misteri ini.

Kebanyakan burung yang cenderung untuk membunuh diri ini didapati telah kehilangan habitat semula jadi kerana banjir semasa musim tengkujuh. Oleh sebab tiada tempat tinggal, burung ini terpaksa berpindah mencari habitat baharu. Saintis percaya bahawa Jatinga merupakan tempat terdekat dalam laluan perjalanan perpindahan itu. Namun demikian, tiada sesiapa yang dapat menerangkan sebab kejadian burung jatuh membunuh diri ini berlaku hanya apabila malam menjelang dan juga sebab sering berlaku pada tempat yang sama setiap tahun.

Ada juga orang yang percaya bahawa kewujudan kuasa elektromagnetik di situ telah menyebabkan kejadian misteri ini. Hal ini dikatakan demikian kerana Jacinta dikelilingi oleh garis sesar geografi. Kawasan ini merupakan

tubir yang terbentuk apabila batuan keras bertemu dengan batuan lembut semasa sesaran dan batuan lembut lama-kelamaan dihakis sehingga meninggalkan batuan keras sebagai cenuram atau tubir. Garis sesar ini mengganggu perjalanan burung ini, sehingga menyebabkannya keliru dan membunuh diri.

Jatinga bukanlah satu-satunya tempat yang melaporkan kes haiwan membunuh diri. Di Scotland, kira-kira 600 ekor anjing dilaporkan mati selepas terjun setinggi 50 kaki dari Jambatan Overtoun. Saintis menerangkan bahawa anjing ini tertarik kepada bau bangkai yang kuat dari bawah jambatan itu. Di New Zealand, 61 ekor ikan paus ditemui terdampar di kawasan Pantai Farewell Spit. Lapan belas ekor ikan paus berjaya diselamatkan, namun akhirnya terpaksa disuntik eutanasia atas dasar perikemanusiaan supaya ikan paus itu tidak menanggung azab kesakitan. Saintis yang mengkaji kejadian ini membuat pemerhatian bahawa ikan paus sering terdampar di Pantai Farewell Spit. Hal ini menimbulkan teori bahawa laut cetek di pantai itu telah mengganggu sistem pengemudi semula jadi ikan paus, seterusnya memerangkap ikan paus sehingga terdampar lemas di pantai.

Ahli biologi dan pengarah pemuliharaan burung di Mexico, Melanie Driscoll, berpendapat bahawa kejadian di Jatinga bukanlah kes misteri, sebaliknya kejadian normal jika dilihat pada populasi burung dunia. Sebagai contoh, dianggarkan terdapat sekitar 4.8 juta populasi burung raja udang di India, dan biasanya terbang dalam kelompok antara 100 ribu hingga dua juta pada sesuatu masa. Laporan kematian 5000 ekor burung mungkin kedengaran menakutkan, tetapi jika dibandingkan dengan populasinya yang besar, hal ini hanyalah angka kecil secara relatif. Namun begitu, yang kekal misteri, mengapakah burung ini jatuh menjunam pada kawasan dan waktu tertentu di Jatinga sahaja? Inilah persoalan yang masih cuba diselesaikan oleh saintis yang mengkaji kejadian ini.